






Karya koleksi
PROSIDING NADWAH ULAMA NUSANTARA



PROSIDING
NADWAH ULAMA NUSANTARA X
 THE 10TH SYMPOSIUM OF ULEMA IN THE MALAY ARCHIPELAGO

disunting oleh:
 Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Anwar Muttaqin,
 Farid Mat Zain, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad,
 Noorsafuan Che Noh & Hanif Md Lateh



PROSIDING
NADWAH ULAMA NUSANTARA X
 THE 10TH SYMPOSIUM OF ULEMA IN THE MALAY ARCHIPELAGO

Keintelektualan Ulama dalam Peradaban Melayu-Islam

4-5 DISEMBER 2023 | 20-21 JAMADIL AWWAL 1445H
 UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN, TERENGGANU



disunting oleh:
 Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Anwar Muttaqin, Farid Mat Zain,
 Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Noorsafuan Che Noh & Hanif Md Lateh

Anjuran Bersama

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA
 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (Arabic), FPI, UKM
 Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT)
 Kursi Sheikh Othman Sarawak, Fakulti Pengajian Islam, UKM



Prosiding
NADWAH ULAMA
NUSANTARA
(NUN) X 2023

Keintelektualan Ulama dalam Peradaban Melayu-Islam

Prosiding
NADWAH ULAMA
NUSANTARA
(NUN) X 2023

Keintelektualan Ulama dalam Peradaban Melayu-Islam

20-21 Jamadilawwal 1445H / 4-5 Disember 2023
Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman, Malaysia

disunting oleh
Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Anwar Muttaqin,
Farid Mat Zain, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad,
Noorsafuan Che Noh & Hanif Md Lateh

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2023

PROSIDING NADWAH ULAMA NUSANTARA (NUN) X 2023
Keintelektualan Ulama dalam Peradaban Melayu-Islam

Cetakan Pertama, 2023
Hak cipta Fakulti Pengajian Islam, UKM 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8921 5550/5291/5558 Faks: +603 8921 3185
<http://www.ukm.my/fpi/> ● <http://www.ukm.my/nun/>

Diatur huruf oleh
AZAHARIE ZUBLI
azahariezublief98@gmail.com
RAJA MUHAMMAD IMRAN RAJA ABDUL AZIZ
rajaimranukm@gmail.com
EZAD AZRAAI JAMSARI
ejasti@gmail.com

ISBN 978-967-26234-5-8

ISBN 978-967-26234-5-8



Kandungan

Kandungan ... v

Prakata ... ix

Keadilan Tuhan dalam Takdir Penjajahan Negara-negara di Asia Tenggara
Ahmad Munawar Ismail & Muhammad Farhan Firas ... 1

Ulama, Ulama Politik & Mempolitikkan Ulama
Ahmad Sunawari Long ... 13

Nas Ijazah Sayyid Hasan Yamani kepada Dato' Setia Jasa
Haji Muhammad Salleh bin Awang (MISBAHA)
Amirul Hisham Afandi & Mohd Zulkifli Talib ... 20

Penulisan dan Kajian Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik dalam
Malaysian Thesis Online (MyTO) Sepanjang Empat Dasawarsa
*Abdul Azib Hussain, Rahim Kamarul Zaman, Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin
& Azhar Abdullah ... 30*

Pandangan Kaum Salafi terhadap Tradisi Orgen Tunggal pada
Pesta Perkawinan di Sumatera Barat
Hafiz Zurahman, Sarwan & Sabiruddin ... 57

Pelantikan *Mushir* sebagai Satu Usaha Sultan Zainal Abidin III Mengelakkan
Campur Tangan British dalam Pemerintahan Terengganu
Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad ... 63

Potensi Wakaf Meningkatkan Ekonomi dan Mensejahterakan
Masyarakat Provinsi Sumatera Barat
Japeri Jarab ... 72

Gerakan Dakwah al-Jam'iyatul Washliyah Dewan Pimpinan Daerah (DPD)
Kabupaten Kerinci
Latif Aswen & Roni Oka Prayoga ... 92

Peranan Tok Guru Haji Abbas dalam Perkembangan Intelektual Muslim di Terengganu
Luqman Al-Hakim Mohd Fauzi & Farid Mat Zain ... 103

Idea Islah Sheikh Ahmad al-Fatani (m. 1908) dalam *Hadiqatul Azhar war Rayahin*
Mohamad Fikri Mohd Bakri & Mohd Roslan Mohd Nor ... 116

Dari Resolusi ke Realiti: Tinjauan Retrospektif Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak
Mohamad Zufazdlee Abul Hassan Ashari ... 132

- Tok Ketitir Tanjung Patani sebagai Tokoh Ulama-Umara di Patani pada Akhir Abad ke-18: Sebuah Biografi Pengenalan
Mohd Fadli Ghani ... 145
- Metodologi Syeikh Haji Ismail bin al-Sawi dalam Penulisan Manuskrip al-Quran
Mohd Nazir Kadir & Mohd Faizulamri Mohd Saad ... 170
- Pengajian al-Quran Bersanad di Tanah Melayu: Analisis terhadap Manuskrip Sanad al-Quran (1894M)
Muhamad Zul Ikhwan Zahari & Nor Hafizi Yusof ... 177
- Analisis Perbahasan Sifat 20 Ulama Terengganu menerusi Kitab *Tarīqat al-Sālikīn ilā Ma'Rifat Sifāt Rabb al-'Ālamīn* Karya Tuan Guru Abdul Hamid al-Besūtī al-Falimbānī
Muhammad Ariff Asyraf Suhaini, Ahmad Arif Zulkefli & Azhar Abdullah ... 188
- Bentuk Dasar Luar Turki di Timur Laut Afrika ketika Pemerintahan AKP sebelum Era Pandemik Covid-19 (2005-2019)
Muhammad Fauzan Rosli & Ermy Azziaty Rozali ... 209
- Tinjauan Ringkas terhadap Manuskrip Agama Islam di Sarawak: Pengenalan kepada Kitab *Hidayah lil Walad al-Walad*
Muhammad Khatib Johari ... 240
- Gerakan Dakwah K.H. Ahmad Dahlan dan Muhammadiyah
Muhammad Yunus, Sarwan & Sabiruddin ... 263
- Hubungan Negeri-negeri Melayu dengan Daulah Uthmaniyyah pada Abad ke-19 sehingga Perang Dunia Pertama
Nazirah Lee ... 276
- Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad: Analisis terhadap Kurikulum Pendidikan
Norahida Mohamed ... 291
- Faktor-faktor Kemasukan dan Perkembangan Islam di Sarawak
Noranzah Yusof & Saimi Bujang ... 300
- Analisis Bibliometrik terhadap *Maqasid Syariah* dan Teknologi Kewangan Islam (FinTech) dalam Pengkalan Data Scopus
Norashikin Ahmad & Mohd Shukri Hanapi ... 330
- Eksistensi Perempuan Nahdatul Ulama dalam Transformasi Politik
Novia Rahmadhani ... 334
- Halaqah Ulama Nusantara di Makkah (1900-an sehingga 1960-an)
Numan Hayimasae ... 342
- Catatan Kembara Hamka dalam Travelog "Di Tepi Sungai Dajlah": Satu Penelitian berdasarkan Pespektif Sastera Kembara
Nur Farhana Mohamad Zainol & Nursafira Lubis Safian ... 358

Sejarah Kerajaan Ayyubiyah menurut Buku *Sejarah Umat Islam* Karya Hamka
Nur Najihah Mohd Khir, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari
& *Nursafira Lubis Safian ... 371*

Peranan Sheikh Nik Mat Kecil Patani dalam Intelektualisme di Alam Melayu
melalui Karya *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*
Nurul Aimi Anis Mohd Nasir & Farid Mat Zain ... 383

Tok Ku Paloh: Ulama Penasihat Sultan Zainal Abidin III
Nurul Husni Abdullah, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad
& *Farid Mat Zain ... 392*

Pengurusan Dakwah Pondok Pesantren Musthafawiyah Purba Baru
Kabupaten Mandailing Natal
Sabiruddin Juli & Fajri Akmal ... 406

Hisab Istilahi Takwim Hijri dalam Naskhah *al-Mukhtasar al-Muhazzab fi*
Ma'rifati al-Tawarikh al-Thalathah al-Awqat wa al-Qiblat bi Rubu' Mujayyab
oleh Syekh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani al-Makki (1369H/1950M)
Sharifah Hamizah Syed Omar, Nur Nafhatun Md Shariff, Baharrudin Zainal
& *Zety Sharizat Hamidi ... 423*

Pemikiran dan Pengaruh Keintelektualan Sheikh Abdullah Fahim
terhadap Kemajuan Masyarakat Muslim di Tanah Melayu
Suhaila Abdullah & Mohd Nizam Sahad ... 434

Gerakan Intelektual Milenial Kampus
Tifa Maylasandi ... 447

Riwayat Hidup & Unsur Metafizik Pemikiran Hamzah Fansuri: Perspektif
dari Sudut Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas
Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Aziz Sabjan ... 461

Peranan Tuan Guru Haji Hassan dalam Perkembangan Ilmu di Melaka:
Tumpuan Khusus terhadap Madrasah Darul Falah
Zulhilmi Aziz Abdul Hannan & Farid Mat Zain ... 473

Pandang Sisi Ahmad Azhar Basyir sebagai Ulama Hadis: Kajian
terhadap Karya dan Pemikiran
Jannatul Husna Ali Nuar ... 484

Prakata

Golongan ulama berperanan penting dalam kemajuan sesebuah masyarakat. Menerusi keilmuan mereka, lahir masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Kemunculan ulama di Nusantara berkait rapat dengan kedatangan dan pengaruh Islam yang datang dari pelbagai wilayah Islam. Jalinan intelektual tersebut telah membentuk beberapa generasi ulama berwibawa dan penyebaran ilmu pengetahuan berkembang melalui institusi pendidikan yang diasaskan. Kajian berkaitan perihal para ulama dan tokoh agamawan berwibawa ini perlu diberi perhatian memandangkan peranan dan sumbangan mereka amat bernilai kepada masyarakat dan umat Islam.

Nadwah Ulama Nusantara (NUN) I kali pertama telah dianjurkan pada 19-20 Mei 2001 secara bersama oleh Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (Kampus Pattani), Thailand dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (PKAUKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Thailand bertempat di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand menerusi tema: ‘Peranan dan Sumbangan Ulama Pattani’ dan dirasmikan oleh Presiden, Prince of Songkla University. Dalam siri seterusnya, **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) II** diadakan pada 14-15 Julai 2003 di Kuching, Sarawak, dengan memberi tumpuan kepada peranan dan sumbangan tokoh-tokoh agama di Borneo, khususnya para ulama Sarawak, Sabah, Kalimantan dan juga Brunei dan dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak. Siri ketiga pula, Fakulti Pengajian Islam UKM menganjurkan **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) III** secara bersama dengan Majlis Agama Islam Pulau Pinang pada 15-17 April 2005 yang diadakan di Kepala Batas, Pulau Pinang dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pada siri keempat, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM berjaya menganjurkan **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV** dengan tema: ‘Ulama Pemacu Transformasi Negara’ yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 25-26 November 2011 bagi meneruskan agenda mengetengahkan ketokohan ulama di persada masyarakat dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Legasi kecemerlangan NUN diteruskan lagi pada tahun 2013, apabila buat julung kalinya **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V** berjaya dianjurkan di tempat asal idea penganjuran NUN dicetuskan, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia. Penganjuran kali ini berlangsung pada 9 September 2013 dan bertempat di Bilik Senat dan Bilik Majlis, UKM Bangi dan dirasmikan sekali lagi oleh Ketua Pengarah JAKIM. Siri penganjuran **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VI** pula dibuat bersama Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada 9-10 Jun 2015 dengan melihat sumbangan dan peranan ulama dalam perkembangan sistem pemerintahan di Tanah Melayu khususnya Negeri Sembilan melalui tema: ‘Ulama dan Umara, Berpisah Tiada’ dan dirasmikan oleh Pengerusi, Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan bagi Kerajaan Negeri Sembilan.

Pada siri seterusnya, **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII** dianjurkan secara bersama dengan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) pada 8-9 Ogos 2017 di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tema: ‘Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Malaysia’ dan

dirasmikan oleh YB Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri Malaysia. Pada 23-25 Oktober 2018, **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VIII** telah diadakan buat kali kedua bersama Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Majlis Islam Sarawak (MIS) yang diadakan di Kuching, Sarawak dan dirasmikan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak dengan tema: 'Sinergi Ulama dalam Pemerkasaan Ummah'. Selanjutnya, **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX** pula diadakan secara bersama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Yayasan Islam Negeri Kedah pada 28-29 Oktober 2021 dan diadakan buat pertama kalinya secara dalam talian dengan tema: 'Naskhah Ulama Melayu dalam Akal Budi Nusantara' yang dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hel Ehwat Agama).

Pada 4-5 Disember 2023, **Nadwah Ulama Nusantara (NUN) X** berjaya diadakan di wilayah pantai timur Malaysia secara bersama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerusi Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) dengan tema: 'Keintelektualan Ulama dalam Peradaban Melayu-Islam' yang dirasmikan oleh SS Dato' Mufti Negeri Terengganu. Nadwah kali ini menjadi pentas ilmu kepada para pelajar, pengkaji dan pencinta sejarah tanah air berkongsi kecendekiaan, pandangan dan pemikiran mereka berkenaan topik dan perbahasan nadwah pada kali ini. Di samping itu juga, nadwah kali ini turut mencerakinkan perihal sejarah perkembangan Islam di Terengganu sebagai satu daripada tema utama yang signifikan dengan penganjuran kali ini yang diadakan di bumi Darul Iman. Penyertaan NUN X kali ini juga berjaya menarik minat dan perhatian para pembentang dan pemakalah di peringkat antarabangsa dengan penyertaan dari Indonesia dan Thailand serta warga akademik di peringkat kebangsaan dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan.

Sidang Penyunting
Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) X 2023

Pandang Sisi Ahmad Azhar Basyir sebagai Ulama Hadis: Kajian terhadap Karya dan Pemikiran

Jannatul Husna Ali Nuar

Program Studi Ilmu Hadis, Fakultas Agama Islam,
Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, Indonesia.

Abstrak: Selain aktivis pergerakan, K.H. Ahmad Azhar Basyir, MA (1928-1994) dikenal sebagai ulama *fiqh* dan filosof Islam yang berbobot. Hal itu ditandai oleh peran beliau dalam organisasi Muhammadiyah dan Majelis Ulama Indonesia serta pengajaran dan penulisan beliau yang menonjol dalam bidang tersebut. Pada eranya, Kyai Azhar merupakan ahli jawatankuasa tetap Akademi *Fiqh* Islam di bawah naungan Organisasi Kerjasama Islam (OKI). Beliau juga termasuk penggubal Kompilasi Hukum Islam yang banyak mengubah arah perjalanan hidup umat Islam di negara ini. Kajian seputar sumbangan dan pemikiran beliau dalam bidang falsafah, *fiqh* dan kepimpinan organisasi telah banyak didedahkan. Namun, sorotan dalam aspek hadis belum lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji di rantau ini apatah lagi dari luar negara. Kertas ini bertujuan untuk mengulas biografi dan sumbangan Azhar Basyir dalam bidang hadis. Seorang ulama-cendekia-prolifik yang jasanya diartikulasikan dalam bentuk karya tulis, dakwah, dan organisasi. Secara khasnya kertas ini mahu menyoroti aspek metodologi dan gagasan pengarang ketika menulis kitab syarah dan ilmu *mustalah* hadis. Kajian ini merupakan *library research* dengan data utama diperolehi dari *Ikhtisar Ilmu Mushthalah Hadis* (1965) dan *Syarah Hadis Tentang Iman, Ilmu dan Amal* (1985). Dua khazanah yang merupakan hasil karya daripada Kyai Azhar sendiri. Mengikut pembacaan awal, dijumpai beliau telah memberi tumpuan kepada pentingnya iman dan istiqamah, hidup berdikari, kehidupan berkeluarga, kaderisasi ulama, hinggalah ketahanan hidup bernegara. Dalam konteks *mustalah* hadis pula, beliau telah menjelaskan pokok-pokok disiplin ini secara sederhana (global) bagi memenuhi keperluan pelajar dan masyarakat awam ketika itu, mulai dari perbincangan istilah asas, fungsi hadis terhadap al-Quran, sejarah hadis, ilmu *jarh wa ta'dil*, kaedah merungkai hadis *mukhtalif* dan pembagian hadis. Sekalipun kesarjanaan Azhar Basyir dalam bidang hadis tidak setara TM. Hasbi Ash-Shiddieqy dan selainnya, sumbangan beliau dalam aspek ini patut untuk disyorkan oleh generasi semasa.

Kata kunci: Aktivis, Peranan, Pemikiran, Hadis, *Mustalah*.

PENGENALAN

Dinamika pengajian hadis mula bertapak di kepulauan Nusantara sejak abad ke-17 Masihi melalui beberapa tokoh perintis seperti al-Raniri dan al-Singkili. Sekalipun diyakini bahawa hadis secara riil -- sebagai sumber Islam -- sudah disebarkan oleh pendakwah sejak Islam bertapak di sini. Peranan tokoh amat signifikan dalam mengembangkan penulisan

hadis di tiga abad pertama, kerana lembaga pendidikan formal belum lagi “wujud” apalagi semarak seperti pada abad ke-20, tidak terkecuali di Indonesia. Kiprah ulama terhadap hadis sudah cukup banyak dilakukan oleh penyelidik, misalnya Hasbi Ash-Shiddieqy, Syuhudi Ismail, Ali Mustafa Yaqub, dan lain-lain. Kesedaran signifikannya mendidik umat melalui karya dilakukan oleh tokoh Islam Indonesia termasuk dalam mengembangkan hadis seperti oleh Hasyim Asyari (pendiri NU), Ahmad Surkati (pendiri Al-Irsyad), Hassan Bandung (pendiri Persis), dan Ahmad Azhar Basyir (tokoh Muhammadiyah).

Nama yang tersebut di akhir merupakan pimpinan Muhammadiyah yang banyak mendapat perhatian kalangan, baik dalam wacana lisan mahupun tulis seperti buku, laporan, dan kertas ilmiah. Beliau popular dalam sebutan, bukan sahaja disebabkan oleh pernah menjadi Ketua Umum Pimpinan Pusat Muhammadiyah, organisasi Islam terbesar amal usahanya di Indonesia. Melainkan, kerana gagasannya banyak tertuang dalam khazanah bercetak. Tokoh ini dikenal sebagai ulama-cendekia yang prolifik, bukan aspek falsafah dan hukum Islam sahaja yang menjadi *concern* beliau sebagai seorang akademika. Tidak hairan, sisi biografis, pendidikan, dakwah, tasawuf, dan *leadership* dibahas dan dirujuk oleh ramai sarjana dan pegiat ilmu keislaman beberapa waktu kebelakangan ini.

Untuk menyebut beberapa contoh penelitian ialah Achmad Charis Zubair mengkaji beliau sebagai ahli falsafah (Zubair 1995); Ahmad Ghazali menjelaskan idea beliau seputar fiqh kontemporer (Ghazali 1997); Wardani menyoroti perjuangan dan pemikiran beliau secara umum (Wardani 1998); Memed Chumaidi menyelidiki seputar falsafah pemikiran beliau tentang manusia yang bertanggung jawab (Chumaedi 2000); Anisatun Munawaroh membandingkan pendapat Ibn Taimiyah dan Basyir berkaitan hak wali untuk memaksa (*ijbār*) menikahkan seorang anak atau cucu perempuan (Mu'awaroh 2005); Ikawati Surawati meneliti pandangan beliau terkait praktik tasawuf (Surawati 2006); dan Lina Indrawati membeberkan kepemimpinan Basyir dalam Muhammadiyah (Indrawati 2010).

Adapun penyelidikan terbaru dilakukan Mutohharun Jinan bertajuk “KH. Ahmad Azhar Basyir, MA: Prototipe Ulama-Intelektual Muhammadiyah” (Jinan 2014); Uswatun Chasanah dalam skripsi berjudul “Kiprah KH. Ahmad Azhar Basyir di Organisasi Muhammadiyah (1945-1994)” (Chasanah 2017); Dwi Nanda Nur Amalia, melalui tugas akhirnya “Biografi Intelektual KH. Ahmad Azhar Basyir: Studi Perjalanan Keilmuan Tahun 1953-1994” (Amalia 2019); dan Muchlas Abror (2017), secara bersiri telah memuat artikel tentang hidup dan perjuangan dalam *Suara Muhammadiyah* (Abror 2016; 2017).

Dari sekian banyak riset di atas, yang agak luput diberi perhatian adalah wacana beliau terhadap hadis. Padahal pembicaraan hadis sebagai sumber kedua dalam Islam turut mendapat sorotan dari mantan Ketua Umum PP Muhammadiyah ini. Gagasan beliau secara spesifik tentang hadis dapat dijumpai dalam *Ikhtisar Ilmu Mushthalah Hadits* dan *Syarah Hadis Tentang Iman, Ilmu dan Amal*. Walaupun kedua-dua karya muncul dan tersebar di era 1950-1970an, namun benang merah gagasan untuk memajukan umat melalui pesan Nabi masih tetap relevan untuk diresapi dalam kondisi masyarakat *society 5.0* hari ini. Penelitian ini diharapkan mampu melengkapi karya-karya terdahulu serta mengisi kekosongan kajian terhadap objek hadis menurut perspektif sang tokoh.

Kajian ini sepenuhnya mengamalkan *library research*, data yang dipakai berasal dari sumber-sumber tertulis yang meliputi buku, artikel ilmiah, latihan projek dan sebagainya yang bersentuhan dengan objek penelitian. Manakala metode analisa data yang digunakan

iaitu *content analysis* (telaah kandungan). Tujuan utama penulisan ialah untuk menjelaskan biografi intelektual dan sumbangsih pemikiran beliau dalam bidang hadis.

BIOGRAFI INTELEKTUAL AHMAD AZHAR BASYIR

K.H. Ahmad Azhar Basyir, MA., demikian nama lengkap beliau yang tertera dalam banyak sebutan para penulis tanah air. Sosok yang tidak asing lagi di kalangan warga Muhammadiyah, terlebih di tingkat pimpinan persyarikatan (Abror 2016). Putera pertama dari empat bersaudara pasangan KH. Muhammad Basyir Mahfudz dan Nyai Hajjah Siti Djilalah Saleh (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Fauziah 2017; Basyir 2020) ini lahir di Yogyakarta, 21 November 1928 (Jinan 2014; Basyir 2003; 1985; 2013; Fauziah 2017; Basyir 2020) bersamaan dengan Rabu, 7 Jamadil Akhir 1347. Terkait tempat lahirnya, ada yang menyatakan di Karangakajen, Yogyakarta (Abror 2016), dan pengkaji yang lain menyebut di Kampung Kauman, Yogyakarta (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Fauziah 2017; Chasanah 2017; Amalia 2019).

Terlahir dalam keluarga ulama yang taat beragama, beliau mendapat asuhan pertama melalui ayah (asli Kauman) yang merupakan seorang ulama dan hafiz al-Quran (Abror 2016; Chasanah 2017) dan ibu yang berasal dari Karangakajen (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Jinan 2014; Abror 2016; Chasanah 2017). Setelah memasuki usia sekolah, beliau berhasil menuntaskan pendidikan dasar dan menengah di SR Muhammadiyah, Suronatan (1940), Pesantren Salafiyah, Tremas (1943), Madrasah al-Falah, Kauman (1944), Tabligh School Muhammadiyah, Yogyakarta (1946), dan Madrasah Menengah Tinggi, Yogyakarta (1952) (Nisa' 1998; Jinan 2014; Amalia 2019; Indrawati 2010; Fauziah 2017; Miswanto 2020; Basyir 2020).

Adapun pendidikan tinggi beliau tempuh di PTAIN Yogyakarta tahun 1952-1956 dengan meraih gelar sarjana (Nisa' 1998; Basyir 2003; 2013; 2020; Jinan 2014; Fauziah 2017; Amalia 2019; Miswanto 2020). Pada tahun 1957 sempat kuliah sastra Arab di Fakultas Adab, Universitas Baghdad, Irak (Nisa' 1998; Fauziah 2017; Miswanto 2020), sebelum akhirnya pindah ke Mesir untuk melanjutkan kuliah di Fakultas Darul Ulum, Universitas Kairo, gelar Master of Arts dalam bidang syari'ah Islamiyah dapat dirampungkan tahun 1968 (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Jinan 2014; Fauziah 2017; Basyir 2020; Miswanto 2020) dengan pencapaian *munmtāz* (Basyir 2003; 2013). Pasca kepulangan ke tanah air, pada tahun 1971-1972, beliau sempat mengikuti Studi Purna Sarjana Falsafah di Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta (Nisa' 1998; Indrawati 2010).

Setelah merampungkan studi di bumi para Nabi, mantan Ketua Umum PP Pemuda Muhammadiyah (1954-1957) ini mengabdikan diri sebagai pensyarah tetap di Fakultas Falsafah, UGM Yogyakarta hingga pensiun tahun 1993, dengan mengasuh beberapa mata kuliah seperti *Sejarah Falsafah Islam*, *Falsafah Ketuhanan*, *Hukum Islam*, *Islamologi*, *Falsafah Hukum Islam*, dan *Pendidikan Agama Islam* (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Jinan 2014; Fauziah 2017; Basyir 1985; 2003; 2013). Di samping itu, beliau juga menjadi pensyarah tidak tetap di sejumlah kampus di tanah air termasuk UII Yogyakarta, UM Yogyakarta, UM Surakarta, UM Malang, Universitas Indonesia (Nisa' 1998; Basyir 2020; 2013; 2003), dan IAIN Sunan Kalijaga (Indrawati 2010; Jinan 2014; Amalia 2019; Fauziah 2017; Basyir 1985; 2020).

Sebagai generasi yang pernah hidup di empat zaman, karier dan perjuangan beliau tidak mudah. Pendidikan sempat tertangguh kerana harus terlibat mengusir penjajah dengan

bergabung sebagai anggota Kesatuan TNI Hizbullah, Batalion 36 Yogyakarta (1946), bahkan sempat menyandang pangkat Sersan Mayor dalam Angkatan Perang Sabil (1948-1949). Tempaan hidup yang keras itu menjadikan Ketua Majelis Tarjih PP Muhammadiyah (1985-1990) ini sadar akan pentingnya setiap anak bangsa mengisi kemerdekaan yang telah dicapai dengan mencerdaskan kehidupan bangsa melalui pendidikan, dakwah, karya, dan organisasi.

Kesedaran tersebut ditunjukkan oleh alumni madrasah tradisional dan moden itu dengan bergabung dalam beberapa organisasi sosial sebagai sarana perjuangan. Di antara puncaknya beliau pernah menjadi Ketua Umum PP Muhammadiyah (1990-1995), Wakil Ketua MUI Pusat (1990-1995), Anggota Dewan Pengawas Syariah Bank Muamalat Indonesia (1992), Anggota MPR-RI Fraksi Karya Pembangunan (1993-1998), Naib Amirul Haj Indonesia (1994), dan Anggota Akademi Fikih Islam, Organisasi Konferensi Islam (Basyir 1985; 2003; 2013; 2020).

Sementara kegiatan beliau sebagai penulis tidak kalah menarik, dengan melahirkan karya dalam pelbagai bidang ilmu. Karya tersebut didominasi oleh kajian hukum Islam yang menjadi keahlian beliau (Jinan 2014), selain mendalami akidah, akhlak, falsafah, pendidikan, ekonomi, politik, hadis, ilmu tafsir, bahasa, dan tema keislaman secara umum (Nisa' 1998; Jinan 2014; Basyir 2020; 1985; 2003; 2013). Tidak heran, beberapa analis menyebut beliau sebagai prototipe ulama-intelektual yang memiliki karya dan wawasan yang luas serta penulis prolifik (Miswanto 2020; Jinan 2014). Sebagian karya yang berhasil penulis identifikasi dalam bentuk buku, kumpulan artikel dalam seminar, atau tulisan yang tersebar di media massa, berikut datanya:

1. *Citra Manusia Muslim* (FH-UUI, 1982)
2. *Citra Masyarakat Muslim* (FE-UUI, 1984)
3. *Islam Agama Paripurna* (PWM-DIY, 1995)
4. *Keluarga Sakinah Keluarga Surgawi* (Titian Ilahi, 1994)
5. *Manusia, Kebenaran Agama dan Toleransi* (UUI Press, 1986)
6. *Nikmatnya Puasa Meraih Taqwa* (Titian Ilahi, 1994)
7. *Pemikiran Islam dalam Muhammadiyah* (Tiara Wacana, 1990)
8. *Reaktualisasi, Pendekatan Sosiologis Tidak Selalu Relevan* (Panjimas, 1988)
9. *Refleksi Atas Persoalan Keislaman* (Mizan, 1993)
10. *Uswah Hasanah dalam Muhammadiyah* (Suara Muhammadiyah, 1996)
11. *Beragama Secara Dewasa: Akidah Islam* (UUI Press, 1983)
12. *Pendidikan Agama Islam 1 (Aqidah)* (FH-UUI, 1995)
13. *Akhlak dan Hukum dalam Islam* (FH-UUI, t.th)
14. *Faham Akhlak dalam Islam* (FH-UUI, 1982)
15. *Falsafah Ibadah dalam Islam* (UUI Press, 1984)
16. *Mu'tazilah: Aliran Rasionalisme dalam Falsafah Islam* (Nur Cahaya, 1985)
17. *Miskawaih: Riwayat Hidup dan Pemikiran Falsafahnya* (Nur Cahaya, 1983)
18. *Pokok-Pokok Falsafah Hukum Islam* (FH-UUI, 1992)
19. *Aborsi Ditinjau dari Syariah Islamiyah* (UUI Press, 1973)
20. *Asas-Asas Hukum Muamalat [Hukum Perdata Islam]* (FH-UUI, 1983)
21. *Fikih dan Pranata Sosial di Indonesia* (UUI Press, 2020)
22. *Hukum Adat Bagi Umat Islam* (FH-UUI, 1983)
23. *Hukum Islam Tentang Riba, Utang-Piutang dan Gadai* (Al-Maarif, 1983)
24. *Hukum Islam Tentang Wakaf, Ijarah dan Syirkah* (Al-Maarif, 1977)
25. *Hukum Kewarisan Menurut Hukum Adat dan Hukum Islam* (Depag, 1978)

26. *Hukum Perkawinan Islam* (FH-UII, 1987)
27. *Hukum Waris Islam* (FE-UII, 1990)
28. *Hukum Zakat* (Majelis Pustaka PP Muhammadiyah, 1997)
29. *Ijtihad dalam Sorotan* (Mizan, 1988)
30. *Ikhtisar Fikih Jinayat Hukum Pidana Islam* (UII Press, 1982)
31. *Ikhtisar Hukum Internasional Islam* (UII Press, 1983)
32. *Kawin Campur, Adopsi dan Wasiat Menurut Islam* (Al-Maarif, 1972)
33. *Kedudukan Anak Laki-Laki dan Perempuan dalam Hukum Islam* (FH-UII, 1988)
34. *Pokok-Pokok Persoalan Hukum Islam* (UII Press, 1984)
35. *Ajaran Islam Tentang: Sex Education, Hidup Perkawinan, Pendidikan Anak* (Al-Maarif, 1986)
36. *Pendidikan Agama Islam* (Andi Offset, 1983)
37. *Pendidikan Agama Menghadapi Era Globalisasi* (1993)
38. *Fungsi Harta Benda dan Wakaf Menurut Islam* (PDM Yogyakarta, 1990)
39. *Garis Besar Sistem Ekonomi Islam* (FE-UGM, 1978)
40. *Keuangan Negara dan Hisbah dalam Islam* (UII Press, 2011)
41. *Hubungan Agama dan Pancasila* (Balitbang Depag, 1984)
42. *Peranan Agama dalam Pembinaan Moral Pancasila* (t.th.)
43. *Negara dan Pemerintahan dalam Islam* (UII Press, 2000)
44. *Masalah Imamah dalam Falsafah Politik Islam* (1992)
45. *Keuangan Negara dan Hisbah dalam Islam* (t.th.)
46. *Syarah Hadis Tentang Iman, Ilmu dan Amal* (Percetakan Persatuan, 1985)
47. *Usul-Fiqh* (Yogyakarta: Kota Kembang, 1957)
48. *Ringkasan Ilmu Tafsir* (Yogyakarta: Kota Kembang, 1969)
49. *Ikhtisar Ilmu Mushthalah Hadis* (Solo: AB Sitti Sjamsijah, 1965)

Dalam sumber lain dikatakan, beliau juga pernah menulis *Al-Islam I (Asas-Asas Akidah)*, dan *Pelajaran Hadis* (Basyir 2003; 2013), namun penulis belum berhasil untuk melacaknya. Sementara kebanyakan karya-karya di atas adalah terbitan Universitas Islam Indonesia (42%), baik UII Press maupun Fakultas Hukum dan Fakultas Ekonomi. Bahkan, buku terbaru beliau yang diterjemahkan dan diterbitkan oleh universitas Islam tertua di Indonesia itu adalah *Fikih dan Pranata Sosial di Indonesia: Refleksi Pemikiran Ulama Cendekia* (2020). Alangkah baik juga apabila karya beliau diterbitkan ulang oleh PTMA sebagai wujud apresiasi warga dan pimpinan amal usaha Muhammadiyah terhadap salah satu tokoh terbaiknya.

Sebagai manusia, sang begawan harus menepati janji Tuhannya dengan kembali kehadiran Ilahi pada 28 Jun 1994 Masihi di RSUP Dr. Sardjito, Yogyakarta (Nisa' 1998; Indrawati 2010; Jinan 2014; Fauziah 2017; Basyir 2020). Jika dikonversi, berarti sama dengan hari Selasa, 19 Muharram 1415 Hijrah dalam batang usia beliau yang ke-66 tahun menurut kalender Masihi atau 68 tahun berdasarkan penanggalan Hijrah. Beliau berpulang setelah menjalani perawatan intensif selama kurang lebih satu bulan akibat komplikasi penyakit gula, radang usus, dan jantung. Jenazah sang ulama cendekia itu dikuburkan di Pemakaman Umum Karangajen setelah disalatkan di Masjid Gedhe, Kauman, Yogyakarta (Basyir 2020; Jinan 2014; Abror 2017).

KHAZANAH KEILMUAN HADIS DAN ILMU HADIS

Ikhtisar Ilmu Mushthalah Hadits

Sebagaimana tajuknya, buku ini terbilang amat ringkas hanya dalam 32 muka surat sahaja. Tidak diketahui secara pasti kapan ianya mula ditulis. Namun, dalam kata pengantar disebutkan tarikh 10 Januari 1956 Masihi bersamaan 7 Jamadil Awal 1375 Hijrah yang bertempat di Yogyakarta. Adapun yang menjadi rujukan penulis ketika menyusun kertas kerja ini ialah terbitan tahun 1973 oleh AB. Sitti Syamsiyah, Sala (sekarang: Solo atau Surakarta), tanpa menyebutkan edisi cetakan keberapa? Penulis menjumpai buku ini di sebuah *marketplace* dalam talian dan agak jarang maklumatnya dijumpai di sumber-sumber kepustakaan. Sepertinya, sekarang makin sukar untuk mendapatkan karya ini di pasaran buku tanah air, kerana ia tidak lagi diterbitkan oleh mana-mana syarikat.

Salah satu faktor kelahiran buku ialah bagi menyediakan sumber pembelajaran (buku daras) bagi murid-murid sekolah agama ketika itu, seperti dituturkan berikut:

“*Amma ba’du, Ikhtisar Ilmu Mushthalah-Hadis* ini kami susun untuk para pelajar yang hendak memahami pengertian daripada pelajaran *Mushthalah-Hadis*” (Basyir, 1973).

Oleh sebab yang demikian, maka huraian dalam buku sangat global dan sederhana sekadar memberi pokok-pokok pengertian agar tidak terlalu panjang, langsung kepada pengertian *istilahi*, tanpa berpanjang kalam dengan makna *lughah* dan perdebatan ulama. Justeru, buku ini juga tidak diberi contoh yang lebih spesifik bagi satu-satu pengertian bahkan sunyi dari teks Arab sekalipun. Untuk memperoleh keterangan lebih lanjut beliau mengesyorkan agar merujuk kepada kitab ulama sebelumnya yang agak terperinci. Kecuali itu, dalam buku ini pengarang hanya memilih bab tertentu yang dianggap penting untuk diketahui pelajar.

Fasal perbincangan buku ini berkisar seputar pembahagian hadis meliputi *mutawatir*, *ahad*, *sahih*, *hasan*, *daif*, *masyhur*, ‘*aziz*, *gharib*, *marfu*’, *mauquf*, *maqtu*’, *ma’lul*, *mudraj*, *mudallas*, *matruk*, *mubham*, *mastur*, *maudu*’ dan *qudsi*. Namun, sebelum menjelaskan beberapa istilah tersebut, beliau telah memulainya dengan ulasan berkait ilmu hadis *dirayah* dan *riwayah* berlanjutan kepada istilah-istilah asas dalam ilmu hadis, fungsi hadis terhadap al-Quran, kodifikasi hadis, tingkatan kitab hadis, *ta’dil* dan *tajrih*, syarat orang yang diterima riwayatnya, cara menerima hadis, bagaimana merungkai hadis yang tampak bertentangan, dan penjelasan tentang sahabat dan tabi’in (Basyir, 1973).

Sungguhpun pengarang tidak menjelaskan sumber kutipan di setiap ulasannya, tetapi di bahagian awal beliau ada membuat perakuan bahawa dalam menyusun bahan ajar tersebut tidak luput dari menggunakan pengertian dan pendapat tokoh silam, katanya:

“Bahan-bahan penyusunan buku ini diambil dari kitab-kitab pelajaran *Mushthalah-Hadis* berbahasa Arab, seperti *Nukhbatul-Fikar*, *An Nuchbatun-Nabtbhaniyah*, *Minhatul-Mukhitsu*, *Manhaj Dzawin Nadhar* dan lain-lainnya” (Basyir, 1973).

Oleh itu, dalam ulasan beliau beberapa kali mengatakan “menurut pendapat yang dipandang kuat”, “di kalangan para ahli hadis banyak kita jumpai...”, dan “...menurut

permufakatan para ulama....” (Basyir, 1973). Tampak di sini, tiada penjelasan komprehensif lagi memadai siapa sebenarnya yang dimaksud dalam kalimat-kalimat tersebut? Bagaimanapun juga, di tempat lain beliau ada menyebut figur tertentu, namun tiada maklumat lebih lanjut.

“Imam Ahmad bin Hanbal memesankan bahawa orang jangan menuliskan hadis *gharib* sebab pada umumnya hadis *gharib* itu datang daripada perawi yang lemah” (Basyir, 1973).

Hal yang agak menarik -- sekalipun tidak menonjol -- dalam perbahasan ialah “catatan [yang patut diperhatikan]” yang diberikan sebagai pertanda idea murni dari pengarang, misalnya ketika menjelaskan tentang istilah “hadis *sahih li ghairihi*” berikut ini:

“Perkataan yang sama dengan “*sahih*” dengan pengertian seperti diterangkan di atas ialah “*jayyid*” dan “*qawiy*”. Perkataan yang searti dengan “*sahih*” dan “*hasan*” ialah “*thabit*”, “*mujawwad*” dan “*sahih*”. Perkataan yang searti dengan “*hasan*” dan yang mendekatinya ialah “*musyabbah*”.

Jadi, kalau misalnya kita dapati hadis yang disebut dengan *jayyid*, sama artinya dengan yang disebut hadis *sahih*.

Sedang kalau kita dapati sebutan hadis *sahih* dapat dimaksudkan hadis *sahih* atau hadis *hasan*. Selanjutnya kalau orang menyebut hadis *musyabbah* yang dimaksudkan ialah hadis *hasan li dzatihi* atau *li ghairihi* (Basyir, 1973).

Demikian halnya, ketika beliau menjelaskan tentang hadis *maqtu'*, catatannya:

Menurut hemat kami, sebaiknya yang kita sebut hadis itu ialah hanya yang *marfu'* saja *marfu'* hakiki atau *marfu'* hukmi.

Sebaiknya apa yang disebut hadis *mauquf* selain yang *marfu'* hukmi, jangan disebut dengan hadis. Tetapi baiklah dipegangi pendapat yang mengatakan bahawa *atsar* adalah yang datangnya dari sahabat.

Sedang yang disebut hadis *maqthu'* itu, sebaiknya tidak dimasukkan ke dalam salah satu macam dari macam hadis. Sebab perkataan, perbuatan, ketetapan atau pendapat tabi'in itu tidak ada sangkut-pautnya dengan pengertian hadis (Basyir, 1973).

Melalui keterangan ini, nampak jelas kedudukan Kyai Azhar bukan setakat mengekor pada pandangan ulama silam semata-mata. Bahkan, beliau memberi ulasan terhadap istilah yang sepatutnya tidak dihubungkan dengan hadis; dan mencadangkan penggunaan istilah lain bagi menyebut hadis *sahih* dan *hasan* dengan perkataan *jayyid* dan *musyabbah*.

Pada bahagian akhir kata pengantar bukunya, sang pengarang menyampaikan hasrat agar buku tersebut bermanfaat dan segala kesilapan dapat diperbetulkan:

Mudah-mudahan penyusunan buku ini ada faedahnya, terutama menjadi penolong bagi para pelajar yang sedang mempelajari ilmu ini di sekolah.

Kepada yang menjumpai kekeliruan dalam buku ini, diharap sudi memberikan teguran. Terima kasih. *Wabillahi Taufiq* (Basyir, 1973).

Beberapa istilah dan pembahagian hadis yang menimbulkan minat penulis untuk mengkaji ialah, **pertama** mengenai definisi hadis yang disebutnya sebagai “*semua hal yang disandarkan kepada Nabi Saw baik berupa perkataan, perbuatan, taqirir atau sifat-sifat beliau*” (Basyir, 1973). Bila merujuk kepada sumber-sumber terdahulu, takrif ini tampak biasa-biasa saja dan telah dimaklumi oleh banyak pihak, misalnya al-Jaza’iri dalam *Taujih al-Nazar*, Abu Zahw dalam *al-Hadith wa al-Muhaddithun*, dan al-Tahhan dalam *Taisir-nya*. Hanya saja beliau tidak merincikan sifat-sifat yang dimaksud di sini, apakah karakter moral (akhlak) sahaja atau termasuk di dalamnya sifat fizikal dan laku keseharian Nabi seperti pendapat yang dianut oleh Abu Syahbah dalam *al-Wasit*.

Di samping itu juga, beliau tidak menjelaskan apakah ucapan, perilaku, keputusan dan sifat Baginda selepas beliau diangkat menjadi Rasulullah atau lebih jauh sebelum beliau dilantik tergolong sebagai hadis ataupun tidak, seperti yang diyakini oleh al-‘Umari dalam *Buhuth fi Tarikh al-Sunnah* dan Diya’ al-Rahman dalam *Dirasat fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Setelah dilakukan penelusuran, ternyata takrif yang disampaikan pengarang lebih sesuai dengan ungkapan yang dikemukakan oleh al-Baiquni dalam *al-Manzumah*, al-Uthaimin dalam *Mustalah al-Hadith*, dan al-Tahhan dalam *Taisir-nya*, yakni: ما أضيف إلى النبي ﷺ من قول، أو فعل، أو تقرير، أو صفة

Apa yang menarik dari pandangan beliau juga, definisi hadis adalah “segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi”. Oleh itu, Kyai Azhar menolak sebutan “perkataan sahabat” (mestinya: *athar al-sahabah*) sebagai hadis walaupun banyak pihak yang menyebutnya sebagai hadis *mauquf*. Begitu pula dengan ungkapan *tabi’in* (*qaul al-tabi’in*), tidak perlu ianya disebut sebagai hadis *maqtu’*, katanya. Manakala untuk hadis qudsi, beliau sepertinya tiada halangan untuk mengatakan ia sebagai hadis, kerana firman Allah itu diberitakan kepada Baginda melalui ilham (impian), lalu susunan katanya digubal sendiri oleh Nabi (Basyir, 1973).

Hal lain yang beliau bahaskan iaitu mengenai **ta’dil dan tajrih**. Sebuah tema yang tidak asing dalam tradisi ilmu hadis, yakni pekerjaan meneliti perawi hingga dapat diketahui apakah dia seorang yang adil atau tidak. Tujuan akhir dari pengujian perawi ini ialah untuk mengetahui kualiti hadis. Sekalipun menyebut cacat dan kelakuan orang ini pada asalnya *ghibah* yang diharamkan, namun untuk tujuan menjaga kesucian agama, tidak termasuk yang dilarang asalkan tidak berlebihan (Basyir, 1973). Apa menariknya bahagian ini, ialah saat seorang perawi dinilai berbeda oleh kritikus (*nuqqad al-hadith*): seorang menetapkan dia sebagai adil manakala menurut penyelidikan lain sebaliknya (tercela atau *majruh*), maka yang dipegang ialah penilaian kedua (*majruh*), iaitu yang menetapkan dia seorang yang tidak adil (Basyir, 1973). Kesimpulan ini nampak agak terburu-buru dan dangkal. Apabila melihat konsep “*al-ta’arud baina al-jarh wa al-ta’dil*”, ditemui penjelasan lebih lengkap bahawa mendahulukan *jarh* daripada *ta’dil* itu ketika dijelaskan sebab-sebabnya (الجرح المفسر مقدم على التعديل), demikian penjelasan Ibn Hajar dalam *al-Nukhbah* dan *Nuzhah-nya*, al-Jaza’iri dalam *Taujih al-Nazar*, Abu Zahw dalam *al-Hadith wa al-Muhaddithun* dan Mahir Yasin al-Fahl ketika mentahkik *Muqaddimah Ibn al-Salah*.

Perkara **ketiga** yang ingin disoroti ialah mengenai hadis *mukhtalif*. Menurut beliau, apabila dua riwayat atau lebih yang sama-sama diterima secara kualiti (*maqbul*), akan tetapi isinya tampak saling berlawanan antara satu dengan lainnya. Beliau konsisten tidak memberi

contoh hadis dimaksud. Penjelasan diteruskan kepada cara merungkainya, iaitu dijamak (kompromi); atau menggunakan kaedah *nasikh* (hadis yang datang kemudian) *mansukh* (hadis yang muncul lebih dahulu); dan beliau berhenti setakat itu (Basyir, 1973). Padahal, ada beberapa kaedah lain yang boleh diamalkan menurut Imam al-Syafii, misalnya *tarjih* (mengenali mana dalil yang lebih kuat dan acap kali dilakukan oleh Nabi dan para sahabat) dan *tawaqquf* (menangguhkan hingga dijumpainya penjelasan yang lebih terang). Selain itu, cadangan beliau ini agak sukar difahami oleh pelajar dan masyarakat awam sekiranya tidak diberikan contoh hadis dan penyelesaian yang lebih spesifik dalam Islam. Penulis menduga, dua kaedah yang beliau gunakan ini merujuk kepada al-Nawawi dalam *Taqribnya*, yang hanya menawarkan dua langkah penyelesaian sahaja.

Syarah Hadis tentang Iman, Ilmu dan Amal

Buku ini diberi judul oleh sang Kyai dengan *Syarah Hadis Tentang Iman, Ilmu dan Amal*, yang berisi kajian tentang tiga hal tersebut. Di bahagian pengantar, beliau bertutur bahawa karya tersebut merupakan kumpulan makalah terpilih dari usaha syarahan terhadap hadis Nabi yang pernah dimuat dalam *Majalah Suara Muhammadiyah* rentang waktu 1974 hingga 1977. Atas saran banyak kalangan, kumpulan syarah tersebut dibukukan, agar dapat ditelaah secara lebih luas oleh pihak-pihak yang berminat, lebih-lebih bagi mereka yang tidak sempat membaca *Suara Muhammadiyah* yang memuatnya itu.

Beliau sengaja melakukan syarah terhadap hadis agar dapat dipahami dan diamalkan dengan lebih mudah. Selain itu, isi syarah hadis tersebut kiranya dapat juga membantu para pendakwah untuk memperoleh materi dakwah. Sekalipun karya ini merupakan kumpulan tulisan yang telah disampaikan sejak tahun 1970an, namun baru diterbitkan tahun 1985 oleh syarikat Percetakan Persatuan di Yogyakarta. Edisi cetakan inilah yang menjadi sumber rujukan penulis ketika menyiapkan kertas kerja ini. Adapun kandungannya dimulai dengan “beriman kemudian beristiqamah” hinggalah berakhir dengan tema “hargailah pembantu rumah tanggamu”, sebagaimana terlihat dalam jadual perbahasan berikut:

No	Tema	No	Tema
1	Beriman Kemudian Beristiqamah	17	Fungsi Pakaian
2	Lima Kekhususan Nabi Muhammad Saw	18	Walimah Perkawinan
3	Singkiri Tujuh Hal yang Menyengsarakan	19	Taatilah Peraturan Penguasa
4	Berbahagiaalah Orang yang Asing	20	Pelihara Keselamatan Bahtera Masyarakat
5	Jadilah Orang Berilmu dan Penyebar Ilmu	21	Suap-Menyuap Perbuatan Terkutuk
6	Gairahkan Kaderisasi Ulama	22	Perzinaan Mengundang Bencana Umat
7	Boleh Irihati dalam Dua Hal	23	Hindari Hal yang Menimbulkan Prasangka
8	Amal yang Memasukkan Syurga	24	Jangan Memonopoli Kuburan
9	Tiga Macam Amal Paling Dicintai Allah	25	Bekerja Mencari Nafkah Termasuk Sabilillah
10	Setiap Muslim Wajib Bershadaqah	26	Hak Kebendaan Istri dalam Perkawinan
11	Bahaya Kikir Terhadap Ummat	27	Hak Istri Merogoh Kantong Suami
12	Hindari Jatuh Pailit Amal	28	Sembelihan Aqiqah untuk Setiap Kelahiran
13	Suburkan Jiwa Tolong-Menolong	29	Bersikap Adil Kepada Anak-Anak
14	Hutang Jangan Dibawa Mati	30	Hukum Wasiat untuk Ahli Waris
15	Kedudukan Salam dalam Islam	31	Pilih Hiasan Gambar yang Baik
16	Sopan Santun Tamu-Menamu	32	Hargailah Pembantu Rumah Tanggamu

Sumber: Basyir, 1973

Metode penyusunan karya setebal 232 halaman ini dimulai dengan angka satu (1 - tajuk), dua (2 - tajuk), tiga (3 - tajuk) hingga tiga puluh (30 - tajuk), tiga puluh satu (31 - tajuk), dan berakhir dengan angka tiga puluh dua (32 - tajuk) untuk menjelaskan nomor bab atau fasal pembahasan, disusuli dengan judul atau tema kajian. Adapun hadis utama yang menjadi objek pembahasan ditampilkan dengan menyebut sanad di peringkat sahabat, matan (teks hadis), dan nama perawi (*mukharrij*), terjemahan, dan penjelasan hadis. Penjelasan (syarah) hadis -- merujuk pandangan Haifa' al-Asyrafî dalam *al-Syarh al-Maudu'i* -- menggunakan uslub tematik yaitu dengan menampilkan tema yang terkandung di dalamnya (*al-syarh bi al-'anawin al-janibiyah*), bukan uslub *qauluhu* atau *mamzuj* (gabungan).

Di antara pemikiran hadis yang memantik semangat penulis untuk menguliknya ialah Kyai Azhar kerap kali mengingatkan kelangkaan ulama dalam organisasi Muhammadiyah yang pernah dipimpinya. Menurut beliau, ulama adalah ruh gerakan persyarikatan yang mampu menggali ajaran Islam dari sumbernya yang asli, al-Quran dan sunnah. Kedudukan ulama sangat penting sebagai pembimbing dan pemersatu umat dalam memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam (Jinan, 2014; Basyir, 2020). Beliau meyakini adanya kaitan antara nas dengan realiti sosial tempat dan pada saat nas itu diturunkan. Selain itu, nas juga berlaku universal, di mana dan kapanpun juga, tidak mesti dihubungkan dengan konteks sosio-kultural masyarakat tempat dan ketika nas itu diturunkan (Muslim, 2005).

Beliau juga menyinggung soal pemecahan masalah kehidupan masyarakat hendaklah dilakukan dengan *ijtihad jama'i* (kolektif-kolegial), agar hasilnya lebih baik lebih-lebih di tengah kondisi pendidikan tinggi masyarakat moden yang meniscayakan *takhassus* dan linier (*specialized* dalam suatu bidang tertentu). Salah satu penekanan yang beliau sampaikan ialah pentingnya implementasi upaya kaderisasi dalam tubuh persyarikatan. Seruan itu disambut hingga ditubuhkannya Pendidikan Ulama Tarjih Muhammadiyah di Yogyakarta, Makassar, Padang, dan menyusul tempat-tempat lainnya di Indonesia.

Hadis yang beliau jadikan landasan untuk menggairahkan kaderisasi ulama ialah:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالِمٌ اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا - وَفِي رِوَايَةٍ رُءَسَاءَ - جُهَالًا، فَسُئِلُوا، فَسُئِلُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا (رواه البخاري ومسلم والترمذي عن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما)

“Allah tidak mencabut ilmu dengan jalan menghilangkannya dari ingatan manusia, tetapi Dia cabut ilmu itu dengan jalan mematikan para ulama”; hingga apabila tidak ada lagi seorang alim pun yang tinggal, orang akan mengangkat para pemuka yang bodoh-bodoh; mereka akan ditanya dan merekapun akan berfatwa tanpa dasar ilmu yang benar; akhirnya mereka sesat dan menyesatkan” (HR. Bukhari, Muslim, dan Turmuzi dari Abdullah bin ‘Amar bin ‘Ash).

Apabila ditelusuri lebih lanjut, hadis sahih di atas bukan hanya diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, dan al-Tirmidzi seperti disebut oleh pengarang. Melainkan juga ada dalam laporan Ibn Majah, Ahmad, dan ulama periwayat lainnya.

Dalam syarahnya, beliau menyebut manakala perhatian orang akan kelangsungan ilmu agama itu menjadi berkurang, maka akan menjadi berkurang pulalah bilangan para ulama dan dalam waktu sama akan bertambah bilangan orang-orang yang bodoh dalam ilmu

agama. Bila hal seperti ini berlangsung lama, akhirnya akan terjadilah malapetaka seperti yang disinggung dalam hadis tersebut. Bila kaum muslimin “membiarkan” kematian para ulama silih berganti satu persatu meninggal tanpa disiapkan penggantinya, pasti akan terjadi pada suatu ketika para pemuka yang membimbing kehidupan umat adalah orang-orang yang tidak berpengetahuan ilmu agama, hingga bila mereka nanti memberikan bimbingan hidup kepada umat, akan mereka berikan pedoman-pedoman yang tidak berasaskan ajaran agama, kerana memang mereka tidak mengetahuinya. Dengan demikian mereka akan sesat dan dalam waktu sama menyesatkan umat (Basyir, 1973).

Dari hadis tersebut, beliau kemudian menarik beberapa kesimpulan utama, iaitu: (1) menjadi kewajiban umat Islam untuk memelihara kelangsungan ilmu agama; (2) kepada mereka yang alim diwajibkan untuk menyiarkan ilmu yang bermanfaat bagi kehidupan manusia dan kedatangan rida Allah serta kebaikan hidup di dunia dan keselamatan hidup di akhirat kelak; (3) dalam usaha memelihara kelangsungan ilmu agama, hendaklah dilakukan dengan jalan belajar kepada para ulama sebelum mereka meninggal dunia; (4) mempersiapkan tenaga ahli dalam bidang ilmu agama termasuk fardu kifayah atas umat Islam seluruhnya, sebagaimana diperintahkan Allah (QS. al-Taubah: 112), dan persiapan itu hendaknya dilakukan sebelum ilmu tersebut dicabut atau dilenyapkan dari permukaan bumi (HR. Ahmad dan al-Tabrani).

Beliau merisaukan, dalam dunia moden ini perhatian orang banyak tertuju kepada ilmu pengetahuan duniawi. Ilmu agama tidak menarik bagi mereka kerana beberapa alasan, iaitu: (1) tidak dapat menjadi jalan untuk memperoleh kekayaan materil, hasilnya dirasakan tidak nyata. Kalau perkara ini kita biarkan berjalan terus-menerus, dalam waktu yang tidak lama lagi nescaya akan terjadilah apa yang dinyatakan dalam hadis tersebut. Ahli agama makin berkurang, orang akan bertanya tentang soal-soal agama kepada mereka yang bukan ahlinya, akhirnya kesesatan juga yang akan merata di kalangan masyarakat awal; (2) jangan semua mengejar dunia, gairahkan pula kepada anak-anak didik kita untuk mengisi fardu kifayah bagi memperdalam ilmu agama sebagaimana dalam ayat tersebut.

Kecuali dorongan untuk memelihara kelangsungan ilmu-ilmu agama, hadis tersebut juga mengajarkan: (1) agar kaum muslimin ketika memilih pemimpin (negara, masyarakat, dan selainnya) hendaklah dipilih orang yang benar-benar mampu menyelenggarakan urusan dunia, juga berkemahuan kuat untuk melaksanakan ajaran agama (Islam). Bukan mereka yang cenderung sekular, memisahkan agama dari urusan dunia. Pemimpin yang demikian (mampu dan taat agama) itulah yang dapat membimbing kehidupan umat dalam meraih keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat kelak.

Beliau menambahkan, masih ada perkara lain yang dapat kita petik dari ajaran hadis tersebut, iaitu: (2) jangan sekali-kali kita ikuti saja pendapat orang yang tidak berdasar atas ilmu yang benar; (3) jangan kita menyerahkan sesuatu perkara kepada orang yang bukan ahlinya apabila kita tidak ingin mengalami kehancuran sesuai petunjuk hadis riwayat al-Bukhari (إِذَا وَسَّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ). Seruan ulama sebegini terasa amat realistik untuk bangsa Indonesia hari ini yang tengah menghadapi pesta pemilihan pemimpin di pelbagai tingkatan, termasuklah kepimpinan tertinggi di negara dengan penduduk muslim terbesar di dunia. Ini juga menepati apa yang disampaikan oleh Nur al-Din al-Qari dalam syarahnya, *al-Mirqah*: bahawa apabila kepimpinan, proses penegakan hukum, dan kendali negara (السلطة أو الإمارة أو القضاء أو الحكومة) diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, kerana sebab tidak memenuhi syarat untuk memimpin: kerana masih kanak-kanak belum cukup umur dan pengalaman atau tidak memiliki kapasiti intelektual (pandir) dan integriti (fasik)

untuk mengelola rakyat banyak dan sebuah bangsa, maka tunggulah kehancurannya (kiamat).

KESIMPULAN

Pada bahagian akhir ini, penulis hendak menyimpulkan bahawa Ahmad Azhar Basyir ikut terlibat dalam memperkaya khazanah keilmuan hadis di Nusantara. Sekalipun khazanah yang beliau hasilkan belum terlalu popular dalam kalangan masyarakat intelektual dan awam disebabkan oleh penyebarannya yang masih terhad. Semoga kajian pendahuluan ini akan membuka mata dunia bahawa gagasan beliau terhadap hadis patut dipertimbangkan. Alasan penulis menyoroti kepakaran beliau dari sudut malim hadis ialah kerana latar belakang akademik, pengajaran, penulisan dan penguasaan ilmu alatnya yang baik. Selain itu, karya hadis dan ilmu hadis yang telah dibentangkan di atas merupakan wujud nyata peranan dan sumbangan beliau dalam tradisi kenabian. Walau tidak banyak melahirkan teori dan konsep baru dalam bidang hadis, namun penulisan tersebut dipandang memadai untuk menggelar beliau sebagai kalangan akademia yang memberi tumpuan kepada sunnah mulia. Nilai-nilai dan pemikiran yang memajukan umat perlu terus digali dalam karya Kyai Azhar ini, hingga masyarakat muslim sentiasa mendapatkan panduan dalam hidup. Sekiranya kita tidak mengambil bahagian untuk memperkenalkan, siapa lagi dan bila lagi?? *Wallahu a'lam*.

RUJUKAN

- Abdai, Surya. 2006. "Karakteristik Epistemologi Hukum Islam (Studi Komparatif Pemikiran Ahmad Azhar Basyir Dengan Nurcholish Majid)." UIN Sunan Kalijaga.
- Abror, M. Muchlas. 2016. "KH Ahmad Azhar Basyir, MA: Sang Ulama Cendekiawan (1)." *Suara Muhammadiyah*, 2016. <http://repository.umy.ac.id/handle/123456789/7098>.
- Abror, M. Muchlas. 2017. "KH Ahmad Azhar Basyir, MA: Ulama Cendekiawan Muhammadiyah (5)." *Suara Muhammadiyah*, 2017. <http://repository.umy.ac.id/handle/123456789/9760>.
- Amalia, Dwi Nanda Nur. 2019. "Biografi Intelektual K.H. Ahmad Azhar Basyir (Studi Perjalanan Keilmuannya Tahun 1953-1994 M)." UIN Sunan Kalijaga.
- Aryanti, Riris Febri. 2006. "Implementasi Hak-Hak Pekerja Menurut Ahmad Azhar Basyir Di Koperasi Mahasiswa UIN Sunan Kalijaga." UIN Sunan Kalijaga.
- Basyir, Ahmad Azhar. 1985. *Syarah Hadis Tentang Iman Ilmu Amal*. Yogyakarta: PT. Percetakan Persatuan.
- Basyir, Ahmad Azhar. 2003. *Falsafah Ibadah Dalam Islam*. Revisi-2. Yogyakarta: UII Press.
- Basyir, Ahmad Azhar. 2013. *Beragama Secara Dewasa (Akidah Islam)*. Revisi-2. Yogyakarta: UII Press.
- Basyir, Ahmad Azhar .2020. *Fikih Dan Pranata Sosial Di Indonesia: Refleksi Pemikiran Ulama Cendekia*. Edited by Yusdani, Sofwan Jannah, Fuat Hasanudin, and Muhammad Najib Asyrof. Yogyakarta: UII Press.
- Chasanah, Uswatun. 2017. "Kiprah K.H. Ahmad Azhar Basyir Di Organisasi Muhammadiyah (1945-1994)." UIN Sunan Kalijaga.
- Chumaedi, Memed. 2000. "Pembentukan Manusia Bertanggung Jawab: Analisis Pemikiran Filosofis KH. Ahmad Azhar Basyir, MA." IAIN Walisongo.
- Fauziah, Iva. 2017. "KH. Ahmad Azhar Basyir, M.A. Pejuang Hukum Islam Indonesia." In *Tokoh Dan Pimpinan Tarjih: Riwayat Hidup Dan Pemikiran*, 75–93. Yogyakarta:

- Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah dan Pusat Studi Muhammadiyah UM Yogyakarta.
- Ghazali, Ahmad. 1997. "Pemikiran Ahmad Azhar Basyir Tentang Masalah-Masalah Fiqh Kontemporer." Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Indrawati, Lina. 2010. "Kepimpinan Azhar Basyir Dalam Muhammadiyah Pada Tahun 1990-1994." IAIN Sunan Ampel.
- Jinan, Mutohharun. 2014. "KH. Ahmad Azhar Basyir, MA.: Prototipe Ulama-Intelektual Muhammadiyah." *Tajdid* 12 (2): 133–46.
- Miswanto, Agus. 2020. "Peran Pesantren Dalam Melahirkan Kepimpinan Muhammadiyah: Analisis Historis Terhadap Profil Ketua Umum Pimpinan Pusat Tahun 1912-2020." *Jurnal Tarbiyatuna* 11 (1): 30–48. <https://doi.org/10.31603/tarbiyatuna.v11i1.3424>.
- Mu'awaroh, Anisatun. 2005. "Hak Ijbar Wali Nikah (Studi Perbandingan Antara Pendapat Ibn Taimiyah Dan Ahmad Azhar Basyir)." UIN Sunan Kalijaga.
- Mulkhan, Abdul Munir. 1996. *Ideologisasi Gerakan Dakwah: Episod Kehidupan M. Natsir Dan Azhar Basyir*. Yogyakarta: Sypress.
- Nisa', Ihdah Sholihatun. 1998. "Falsafah Manusia Ahmad Azhar Basyir." IAIN Sunan Ampel.
- Nurdin, Imawan. 1997. "Pemikiran Epistemologi Dalam Falsafah Hukum Islam Menurut KH. Ahmad Azhar Basyir." IAIN Sunan Kalijaga.
- Suratman. 2007. *KH. Ahmad Azhar Basyir, MA: Perikehidupan, Pengabdian Dan Pemikirannya*. Yogyakarta: PP Muhammadiyah.
- Surawati, Ikawati. 2006. "Tasawuf Dalam Pandangan Ahmad Azhar Basyir." UIN Sunan Kalijaga.
- Syamsuddin, Muhammad. 1998. *Manusia Dalam Pandangan KH. Ahmad Azhar Basyir*. Edited by Musjaffa Maimun. Yogyakarta: Titian Ilahi.
- Wardani. 1998. "KH. Ahmad Azhar Basyir, MA: Perjuangan Dan Pemikirannya." IAIN Sunan Kalijaga.
- Zubair, Achmad Charis. 1995. "Ahmad Azhar Basyir: Sosok Pakar Dalam Bidang Falsafah." Seminar Pemikiran Tokoh KH. Ahmad Azhar Basyir, 28 November. Fakultas Falsafah, UGM Yogyakarta.